

Pelaksanaan Aplikasi “Smart Financial Record Management” (S-Firm) Bagi Meningkatkan Kecekapan Merekod Kewangan Dikalangan Pendidik Masyarakat KEMAS Daerah Mersing

Nabila Hana Puteri binti Muda

Pejabat KEMAS Daerah Mersing, Johor

nabilahanaputeri86@gmail.com


Abstract

Salah satu elemen pengurusan yang perlu diberi penekanan di TABIKA dan TASKA KEMAS ialah mengenai kewangan. Namun didapati ramai Pendidik Masyarakat (PM) tidak cekap dalam membuat rekod kewangan. Kajian ini bertujuan untuk (i) mengenalpasti tahap kecekapan dalam menguruskan Rekod Kewangan dengan menggunakan Smart Financial Record Management (S-FiRM) dikalangan PM TABIKA dan TASKA KEMAS Daerah Mersing Johor (ii) melihat kesan Aplikasi Smart Financial Record Management (S-FiRM) dalam pengurusan rekod kewangan PM TABIKA dan TASKA KEMAS Daerah Mersing Johor. Objektif ini bertujuan untuk menjawab dua persoalan kajian iaitu (i) Apakah tahap kecekapan dalam menguruskan Rekod Kewangan dengan menggunakan Aplikasi Smart Financial Record Management (S-FiRM) dikalangan PM TABIKA dan TASKA KEMAS Daerah Mersing Johor? (ii) Apakah kesan Aplikasi Smart Financial Record Management (S-FiRM) dalam pengurusan rekod kewangan PM TABIKA dan TASKA KEMAS Daerah Mersing Johor?. Sampel kajian ini terdiri daripada tiga orang PM yang dipilih berdasarkan pemantauan dan semakan kewangan yang telah dijalankan. Rekabentuk kajian ini ialah kajian tindakan menggunakan kaedah kualitatif. Justeru itu dalam pelaksanaan kajian ini menggunakan Model Kajian Tindakan Kemmis & Mc Taggard 1988. Data kajian dikumpul melalui pemerhatian berstruktur dengan menggunakan senarai semak. Hasil kajian didapati bahawa Aplikasi Smart Financial Record Management (S-FiRM) yang dibangunkan dapat meningkatkan kecekapan PM dalam menguruskan Rekod Kewangan di kelas masing-masing. Penyelidik mencadangkan untuk menambahbaik antara muka (interface) Aplikasi S-FiRM dengan menambahkan elemen yang interaktif dari aspek rekabentuk dan warna.

Kata kunci : Pengurusan Kewangan, Rekod Kewangan, Aplikasi Rekod Kewangan




PENGUNAAN APLIKASI SMART FINANCIAL RECORD MANAGEMENT (S-FIRM) DALAM MENINGKATKAN KECEKAPAN MEREKOD KEWANGAN DI KALANGAN PENDIDIK TABIKA DAN TASKA KEMAS



ABSTRAK

Kajian ini memperkenalkan Aplikasi S-FiRM sebagai penyelesaian kepada masalah pendidik TABIKA dan TASKA KEMAS yang tidak cekap membuat perekodan kewangan. Pengurusan kewangan di TABIKA dan TASKA KEMAS merupakan salah satu elemen pengurusan yang diberi penekanan utama oleh Jabatan. Aplikasi S-FiRM ini dibangunkan secara offline menggunakan Ms Office Excel dan sangat memudahkan rekod kewangan dilaksanakan. Hasil kajian ini berpotensi untuk dikembangkan penggunaannya kepada semua pendidik TABIKA dan TASKA KEMAS seluruh Malaysia.

OBJEKTIF



Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kecekapan pendidik dalam membuat rekod kewangan dan melihat kesan Aplikasi S-FiRM dalam pengurusan rekod kewangan pendidik.

KEBOLEHPASARAN



Pengenalan Aplikasi S-FiRM ini boleh dikembangkan penggunaannya kepada semua pendidik TABIKA dan TASKA KEMAS seluruh Malaysia bagi menggantikan kaedah perekodan kewangan secara konvensional.

KELEBIHAN



Kemudahan Pengguna :
Mudah di akses dimana sahaja walaupun tiada akses jalur lebar

Data di jana secara automatik :

Mengurangkan kesilapan dalam perekodan dan memudahkan

Interaktif dan Mesra Pengguna :

Interface yang menarik dan mudah difahami pengguna

Cepat dan Tepat :

Menjimatkan masa dan pengiraan yang tepat

KEBOLEHGUNAAN

Aplikasi yang telah terbukti berkesan dan memudahkan semua pendidik di KEMAS Daerah Mersing, Johor



NOVELTY / KEASLIAN

Aplikasi pertama yang dibangunkan untuk merekod kewangan di TABIKA dan TASKA KEMAS seluruh Malaysia



Scan QR untuk mendapatkan akses S-FIRM



NABILA HANA PUTERI BINTI MUDA



Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)
Tarikh : 20 Januari 2023



Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak

Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Setuju.

27.1.2023

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR

nar